

# Kontroversi, gemilang warnai terjun negara

Oleh ROZAIDI ZULKIFLI  
sukan@utusan.com.my

TAHUN 2017 adalah musim paling ‘sibuk’ dalam sukan akuatik negara yang bukan sahaja diwar-nai pencapaian gemilang meraih gelaran dunia pertama, malah dipalit isu doping serta kes rogol melibatkan jurulatih dan atlet.

Cheong Jun Hoong, 27, memulakan kalendar terjun negara dengan pencapaian terbesar dalam sejarah sukan tanah air apabila menghadiahkan kejuaraan dunia pertama kepada Malaysia apabila meraih emas 10 meter platform wanita di Budapest, Hungary pada 20 Julai.

Selepas meraih pingat gangsa dalam Sukan Olimpik 2012 di London (Pandelela Rinong) dan perak Olimpik 2016 di Rio (Pandelela-Jun Hoong), memenangi gelaran dunia pertama mengesahkan status Malaysia selaku antara kuasa terjun dunia yang digeruni.

Di peringkat Asia Tenggara, penerjun Malaysia jelas berada dalam kelas tersendiri apabila jauh meninggalkan pencabar lain dengan menyapu bersih semua 13 pingat emas yang ditawarkan dalam Sukan SEA 2017 (KL2017) Ogos lalu.

Malangnya, berita mengejut mengenai Wendy Ng yang disahkan positif dadah jenis sibutramine menyebabkan sebutir emas Malaysia ditarik dalam acara 3 meter seirama wanita bergandingan bersama Nur Dhabitah Sabri.

Emas Wendy dalam saingan individu 3m papan anjal juga ditarik, tetapi mujurlah kejuaraan tetap milik Malaysia kerana bermakna Nur Dhabitah, yang menduduki tempat kedua dalam acara tersebut, kini dinaikkan sebagai juara.

Beberapa jam selepas dikejutkan dengan berita positif doping atlet mereka, Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM) yang sebelum ini adalah persatuan dengan rekod paling bersih daripada sebarang kontroversi dikejutkan pula dengan kes rogol melibatkan jurulatih serta penerjun mereka.

Huang Qiang, 35, yang juga bekas juara dunia bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan, namun sepanjang siasatan berjalan jurulatih dari China itu direhatkan se-

UTUSAN MALAYSIA

14/12/2017 P. 31

## SOROTAN 2017

AKUATIK



CHEONG JUN HOONG

mentara daripada tugasannya.


Kemunculan ramai penerjun muda dalam KL2017 membuktikan Malaysia tidak berdepan masalah dengan atlet pelapis yang mampu mengisi ketidaaan rakan senior mereka pada bila-bila masa. Perkara itu diakui sendiri oleh ketua jurulatih negara Yang Zhuliang selepas penerjun muda mempamerkan persembahan cemerlang dalam Sukan SEA Ke-29 (KL2017) walaupun kali pertama diberi kepercayaan beraksi di pentas tersebut.

“Penerjun muda seperti Kimberly (Bong) mempunyai kemahiran yang sangat baik, begitu juga (Hanis) Nazirul. Secara keseluruhan saya berpuas hati dengan persembahan semua penerjun saya. Untuk Sukan Olimpik yang akan datang, Malaysia mesti melahirkan penerjun pelapis bukan hanya Sukan SEA,” kata ketua jurulatih terjun Yang Zhuliang.

Bagaimanapun cerita sukan renang agak menyedihkan berbanding terjun kerana boleh dikatakan barisan perenang kita masih ketinggalan jauh di peringkat dunia, Asia, malah Asia Tenggara.

Hanya Welson Sim dan Phee Jinq En menunjukkan pencapaian membanggakan sepanjang tahun ini. Walaupun Welson berjaya memenangi anugerah Olimpian Lelaki 2017, namun belum cukup buat pasukan renang ne-

WENDY NG



## PENCAPAIAN

### TERJUN

#### CHEONG JUN HOONG

- Juara dunia 10 meter platform wanita

#### SUKAN SEA

- 12 emas, 4 perak, 1 gangsa

### RENANG

#### SUKAN SEA

- 5 emas (tiga renang, dua renang terbuka)
- 2 emas, 3 perak renang berirama

### POLO AIR

#### SUKAN SEA

- 1 gangsa (lelaki)

## KONTROVERSI

- Pemenang pingat emas terjun Sukan SEA, Wendy Ng positif doping

- Jurulatih terjun negara, Huang Qiang didakwa merogol penerjun kebangsaan

gara yang dilihat jauh ketinggalan dari segi kecermerlangannya berbanding sukan terjun.

Perkara itu boleh dilihat dari sudut pencapaian mereka dalam KL2017 yang amat menyedihkan apabila Malaysia sekadar meraih tiga emas daripada 38 yang dita-

warkan. Dua emas disumbangkan Welson dan satu menerusi Jinq En.

Renang terbuka pula memamer aksi membanggakan apabila Kevin Yeap Soon Choy dan Heidi Gan mencuri tumpuan dengan meraih emas Sukan SEA.